

Kerjaya Prospek menang kontrak RM98.09 juta bina rumah di Pulau Pinang

April 15, 2025



Kerjaya Prospek Group Bhd.

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Group Bhd, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KPM) dianugerahkan kontrak bangunan bernilai RM98.09 juta di Pulau Pinang oleh Persada Mentari Sdn Bhd.

Syarikat itu melalui satu makluman kepada Bursa Malaysia berkata, kontrak itu mengandungi pelaksanaan dua fasa kerja bangunan.

Fasa 1 terdiri daripada pembinaan 22 unit rumah teres tiga tingkat dan lapan unit rumah tiga tingkat berkembar, manakala fasa 2 akan melihat pembinaan 28 unit rumah teres tiga tingkat dan 18 unit rumah tiga tingkat berkembar.

"Kontrak itu akan bermula pada 22 April 2025 dan disiapkan dalam masa 24 bulan dari tarikh permulaan.

"Kontrak itu dijangka memberikan aliran pendapatan tambahan bagi kumpulan dalam tempoh dua tahun akan datang," katanya.

Kerjaya Prospek menjelaskan lagi, kontrak tersebut akan terus memperluaskan serta meningkatkan tempahan dalam tangan sedia ada kumpulan, selain menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih sesahamnya untuk tahun kewangan 2025 hingga 2027.